


Artifak-artifak Melayu

Bilik Warisan, Tingkat 2

Pada zaman dahulu, sebelum mesin pengisar makanan digunakan secara meluas sebagai alat dapur, rempah-ratus dikisar atau ditumbuk dengan menggunakan lesung. Jika kuantiti yang banyak diperlukan, maka khidmat pengisar rempah akan digunakan. Kebanyakan kedai mengisar rempah dikendalikan oleh masyarakat India di Jalan Serangoon, yang juga dikenali sebagai Little India. Aroma rempah-ratus dapat dihidu di sepanjang jalan itu. Pengisar rempah juga mengisar bijian untuk dijadikan tepung, seperti beras, gandum dan pelbagai jenis kekacang. Masyarakat lain di Singapura juga menggunakan perkhidmatan mereka. Kini, permintaan bagi pengisar rempah telah berkurangan kerana rempah yang dijual biasanya berada dalam pek yang sudah dikisar dan sedia digunakan.



Pedagang yang Semakin Pupus: Pengisar Rempah-ratus (Singapura, 2006) – Imej ihsan Muzium Filateli Singapura, Lembaga Warisan Negara

Galeri Kehidupan (Air)



Sebuah papan tanda yang tergantung di kedai seorang sheikh haji di Minto Road Jalan Sultan (Abad ke-20 Koleksi Yayasan Warisan Melayu) – Imej ihsan, Taman Warisan Melayu, Lembaga Warisan Negara


Dari akhir tahun 1800-an hingga pertengahan tahun 1900-an, Singapura merupakan salah sebuah pelabuhan utama buat keberangkatan haji bagi para jemaah dari British Malaya serta Hindia Timur Belanda. Khususnya, Kampong Gelam berperanan sebagai pusat persinggahan yang penting di mana para jemaah haji akan mencari penginapan sementara serta membuat persiapan untuk tahap yang berikut bagi perjalanan mereka ke Makkah. Sheikh-sheikh haji membantu para jemaah haji untuk mengatur perjalanan dan memastikan mereka mempunyai persediaan agama, sementara perniagaan-perniagaan lain juga ditubuh untuk melayani keperluan perjalanan para jemaah haji.

Galeri Sejarah Singapura, Bahagian Temasek

Ini merupakan serpihan daripada monolit berukir yang dikenali sebagai 'Batu Singapura'. Ia merupakan tulisan paling awal yang ditemui di Singapura dan dijumpai di muara Sungai Singapura, berhampiran dengan Hotel Fullerton masa kini. Batu pasir ini berukuran setinggi 3m dan selebar 3m, dan mengandungi 50 baris ukiran di dalam bingkai timbul pada kawasan berukuran setinggi 1.5m dan selebar 2.1m. Pada tahun 1843, ia telah diletupkan semasa kerja raya. Para cendekiawan mempunyai pendapat yang berbeza tentang tarikh dan bahasa tulisan ini. Ia dianggarkan bertarikh dari kurun ke-10 hingga kurun ke-13 dan mungkin berasal dari Sumatra atau Jawa purba.



Batu pasir berukir yang dikenali sebagai 'Batu Singapura' (ditemui di muara Sungai Singapura, berhampiran dengan Hotel Fullerton masa kini) – Imej ihsan, Muzium Nasional Singapura, Lembaga Warisan Negara



Galeri Kehidupan (Air)

Orang Bugis menggabungkan rekabentuk pelbagai jenis layar dan tali-temali kapal Eropah ke dalam rekabentuk kapal pinisi untuk memperbaiki pengemudian dan kelajuannya – kelebihan yang amat penting bagi pelayaran dan perdagangan antara pulau-pulau serantau. Pelbagai upacara turut diadakan sepanjang pembinaan pinisi untuk memastikan keselamatan para pekerja dan kapal-kapal tersebut di lautan.

Model kapal pinisi – Imej ihsan, Taman Warisan Melayu, Lembaga Warisan Negara

Galeri Mary dan Philbert Chin, Tingkat 2



Imej ihsan, Muzium Tamadun Asia, Lembaga Warisan Negara

Kaum Bugis mempunyai pengaruh yang kuat dalam perkembangan keris, bukan sahaja di negara asal mereka iaitu Sulawesi tetapi juga di beberapa kawasan di Borneo, Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatra. Salah satu sebab keris gaya Bugis digunakan secara meluas mungkin berpunca daripada pemelukan agama Islam di Nusantara pada kurun ke-16 dan ke-17. Gambar ini menunjukkan keris Bugis yang berkemungkinan berasal dari Kepulauan Riau-Lingga atau Selat Melaka. Mata pisau tegap buatan tangan ini mempunyai 9 alunan

atau luk dan dihias dengan naga bermahkota yang bertindak sebagai pelindung. Hulu keris dengan gaya Bugis klasik ini diperbuat daripada kayu kemuning (merillia caloxylon) yang telah diukir secara teliti dengan corak bunga, daun dan sulur paut. Pendokok bersalut loyang yang diukir rapi merupakan gaya Bugis biasa tetapi mempunyai mutu ketukangan yang sangat tinggi. Sarung keris diperbuat daripada kayu jati gembol iaitu kayu sangat berharga yang berasal daripada pepusar pokok jati (tectona grandis).